

Sekiranya saya telah jual / beli / lelong / beli secara lelong harta, apa yang perlu saya buat?

- Sila bayar keseluruhan tunggakan cukai taksiran, kemudian isi borang I (Borang notis jualan / pindah milik) & sertakan salinan perjanjian jual beli, salinan hak milik, salinan kad pengenalan dan resit bayaran cukai taksiran.
- Hantar ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Tingkat 3, Menara MPS (03-6120 4816 / 4817). Dapatkan borang I di www.mps.gov.my.

Sekiranya pemilik rumah telah meninggal dunia, apa yang perlu saya buat?

- Sila bayar keseluruhan tunggakan cukai taksiran, kemudian isi borang J (Borang pemakluman kematian) & sertakan salinan kad pengenalan, resit bayaran cukai taksiran & salinan sijil kematian.
- Hantar ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Tingkat 3, Menara MPS (03-6120 4816 / 4817). Dapatkan borang J di www.mps.gov.my.

Apakah keistimewaan yang MPS berikan kepada saya sebagai Orang Kurang Upaya (OKU)

- MPS memberikan sumbangan / bantuan / bayaran cukai taksiran kepada OKU yang memiliki serta tinggal di rumah kediaman sahaja.
- Sila isi borang permohonan pengurangan cukai taksiran Orang Kurang Upaya (OKU) dan sertakan salinan kad OKU, Laporan perubatan, salinan perjanjian jual beli, Surat nikah, slip gaji / pendapatan / akuan sumpah (sekiranya tiada slip gaji).
- Hantar ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Tingkat 3, Menara MPS (03-6120 4816 / 4817). Dapatkan borang permohonan OKU di www.mps.gov.my.

Kesejahteraan Kehidupan Tanggungjawab Semua

Tunaikan Bayaran Cukai Taksiran

Elakkan Daripada Tindakan Undang-undang



Diterbitkan oleh:
Jabatan Perhubungan Awam

Untuk
**Jabatan Penilaian
Majlis Perbandaran Selayang**
Menara MPS,

Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6120 4818 Faks: 03-6136 2979
Emel: selayangmesra@mps.gov.my
<http://www.mps.gov.my>



SUDAHKAH MAKLUMAT CUKAI TAKSIRAN ANDA KEMAS KINI?

BAHAGIAN HASIL JABATAN PERBENDAHARAAN



Jenis pegangan yang dikenakan cukai

- Bangunan Perniagaan, Bangunan Perindustrian, Rumah Kediaman & Tanah Kosong.

Tempoh bayaran cukai

- | Tempoh Taksiran | Tempoh Bayaran |
|------------------------|-----------------------|
| Januari-Jun | 1 Jan - 28 Feb |
| Julai - Disember | 1 Julai - 31 Ogos |

Kenapa cukai taksiran perlu dibayar?

- Bagi menyediakan perkhidmatan dan pengurusan perbandaran yang efisien serta penambahbaikan yang berkesan kepada warga Selayang.
- Sebarang aduan tentang perkhidmatan hubungi unit aduan di talian 03-61389898.

Bayaran boleh dibuat melalui

- Ibu Pejabat, Kaunter Pandu Lalu, Pej. Caw. Rawang, Pej. Caw. Wangsa Permai, Pej. Caw. Tmn Sri Gombak, Kaunter Bergerak (sila semak laman web MPS dan akhbar tempatan mengenai jadual kaunter bergerak).
- Kaunter bank/perbankan internet (Bank Islam, Ambank, Eon Bank, Agro Bank, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Public Bank, Maybank, HSBC Bank, Affinbank, MBF Card, Citibank, United Oversea Bank, RHB Bank, CIMB Bank).
- Pej. Tanah dan Daerah seluruh Negeri Selangor.
- Majlis Daerah, Perbandaran & Bandaraya seluruh Negeri Selangor.
- Pejabat Pos Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad (1 Januari - 28 Februari dan 1 Julai - 31 Ogos).

- Maklumat lanjut tentang kaedah bayaran hubungi Jabatan Perbendaharaan di talian 03-6120 4829 / 4824 / 5603 / 6131 1355.

Sekiranya bayaran tidak dibuat setelah tamat tempoh bayaran (28/2 & 31/8) apa yang akan dikenakan terhadap saya?

- Dikenakan caj lewat bayar (Notis E) RM20 bagi setiap akaun dan tempoh pembayaran Notis E adalah 15 hari.
- Maklumat lanjut tentang caj lewat hubungi Jabatan Perbendaharaan di talian 03-6120 4829 / 4824 / 5603 / 6131 1355.

Sekiranya saya masih enggan menjelaskan cukai taksiran setelah tamat Notis E

- Dikenakan waran tahanan dan dcaj RM100 di dalam akaun. Tindakan sitaan harta alih di dalam premis boleh dikenakan setelah tamat tempoh 7 hari waran tersebut diserahkan.
- Maklumat lanjut tentang waran tahanan hubungi Jabatan Perbendaharaan di talian 03-6120 4829 / 4824 / 5603 / 6131 1355.

Bolehkah saya membuat bayaran cukai taksiran walaupun saya hanya penyewa?

- Ya, anda boleh membuat bayaran cukai taksiran secara penuh atau melalui ansuran. Bayaran sewaan bulanan rumah tersebut boleh dibayar kepada Majlis melalui perjanjian ansuran penyewa.
- Maklumat lanjut tentang bayaran ansuran penyewa hubungi Jabatan Perbendaharaan di talian 03-6120 4829 / 4824 / 5603 / 6131 1355.

Sekiranya rumah / premis saya kosong, apa yang perlu saya lakukan?

- Sila bayar keseluruhan cukai taksiran, kemudian pegangan tersebut layak diberi pengurangan cukai taksiran tidak melebihi 30% berdasarkan kepada tempoh hari kekosongan. Sila buat permohonan remisi (elaun kekosongan) dengan mengisi borang remisi dan sertakan gambar premis, salinan bil elektrik, bil air & bukti pengiklanan sewaan.
- Dapatkan borang remisi di www.mps.gov.my. Hubungi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di talian 03-6120 4816 / 4817.

Sekiranya saya berpindah apa yang perlu saya buat?

- Sila maklum secara bertulis atau isi borang pindaan maklumat / alamat surat menyurat. Hantar ke Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Tingkat 3, Menara MPS (03-6120 4816 / 4817). Dapatkan borang pindaan maklumat di www.mps.gov.my.

Sekiranya saya ingin membeli rumah dari orang perseorangan / melalui lelong, apakah yang perlu saya lakukan?

- Sila semak bil cukai tanah (Pejabat Tanah dan Daerah) dan cukai taksiran (Majlis Daerah / Perbandaran / bandaraya) dan pastikan tiada tunggakan cukai tanah dan taksiran bagi alamat harta yang ingin anda beli. Sekiranya ada tunggakan, pastikan pemilik terdahulu menjelaskan tunggakan sebelum proses pindahmilik berlaku.